

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

BST 421/3 - Ekologi Sumber Alam

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BST 421/3)

1. Apakah prospek masa depan hutan hujan tropika berdasarkan kadarcepat pembukaannya untuk pelbagai tujuan? Bincangkan cara yang paling berkesan sekali untuk menguruskannya.
(20 markah)
2. Pembinaan empangan seperti yang dirancangkan untuk Bakun di Sarawak membawa berbagai kesan. Bincangkan kebaikan dan keburukan empangan sebagai suatu cara menjanakan kuasa.
(20 markah)
3. Pada kadarcepat penggunaan bahan api fosil hari ini, adalah dijangkakan sumber ini akan kehabisan dalam masa tiga puluh tahun lagi. Huraikan bagaimana penggunaan punca-punca alternatif lain boleh membantu dalam memanjangkan hayat bekalan sumber fosil.
(20 markah)
4. Apakah yang dimaksudkan dengan "hidupan liar"? Bincangkan bagaimana kepelbagaian spesies hidupan boleh membawa kesejahteraan alamiah.
(20 markah)

(BST 421/3)

5. Apakah komponen-komponen "Persamaan Kehilangan Tanah Sejagat"? Bincangkan sumbangan setiap satu komponen dalam mengawal hakisan tanah.

(20 markah)

6. Peningkatan penduduk membawa beberapa implikasi terhadap sumber alam. Bincangkan setiap implikasi dengan memberi contoh-contoh yang spesifik.

(20 markah)

-ooo0ooo-